

02 NOV 2003

Abdullah-jadual/I

ABDULLAH PEGANG PORTFOLIO KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memegang portfolio kewangan selain hal ehwal dalam negeri apabila beliau memulakan hari pertama di Putrajaya esok selaku Perdana Menteri kelima, kata para pegawainya.

Beliau mempunyai jadual yang ketat, termasuk menghadiri mesyuarat demi mesyuarat dengan kakitangan kanan pentadbiran dan keselamatan.

Selepas melaporkan diri di Pejabat Perdana Menteri esok, Abdullah akan berucap di Parlimen untuk membentangkan usul terima kasih kepada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau dijangka menyentuh mengenai sumbangan besar Dr Mahathir kepada negara selama 22 tahun menjadi perdana menteri keempat selain berikrar untuk meneruskan semua dasarnya yang berjaya.

Selepas itu, Abdullah akan mengadakan mesyuarat tertutup dengan semua Anggota Parlimen, termasuk daripada pembangkang, dan menurut para pegawainya, beliau akan meminta mereka supaya bekerjasama demi kebaikan rakyat dan negara walaupun mereka mempunyai pendirian politik berbeza.

Pada Selasa, beliau akan mempengerusikan mesyuarat Majlis Keselamatan Negara, dan keesokannya, mempengerusikan mesyuarat kabinet pertamanya selaku perdana menteri.

Abdullah dijangka mengadakan sidang media selepas mesyuarat kabinet itu untuk menjelaskan bidang-bidang penting yang akan diberi tumpuan oleh pentadbiran baru.

Pada Khamis dan Jumaat, beliau akan mengadakan mesyuarat berasingan dengan Majlis Tertinggi Umno dan Dewan Tertinggi Barisan Nasional. Kedua-dua badan pembuat dasar ini dijangka menyatakan sokongan masing-masing kepada Abdullah.

Dewan Tertinggi BN yang mempunyai 14 anggota juga dijangka menerima Abdullah selaku pengerusinya. Beliau adalah juga pemangku Presiden Umno ekoran persaraan Dr Mahathir.

Pada Jumaat juga, Abdullah akan berbuka puasa dengan pegawai-pegawai badan kehakiman manakala pada Isnin berikutnya, akan menemui pegawai-pegawai tertinggi perkhidmatan awam dan ketua-ketua jabatan.

Para pegawai berkata bahawa pada semua mesyuarat itu, Abdullah dijangka menegaskan tentang pentingnya diteruskan semua program yang diilhamkan oleh Dr Mahathir ke arah mencapai Wawasan 2020.

Beliau akan meminta semua pihak -- perundangan, eksekutif, kehakiman serta sektor awam dan swasta -- mengamalkan sifat berwibawa, bersih daripada rasuah dan cekap sebagai satu cara hidup.

Para pegawainya mengesahkan bahawa Abdullah, yang mengambil alih portfolio kewangan apabila Dr Mahathir bersara Jumaat lepas, akan mengekalkan jawatan itu selain hal ehwal dalam negeri, untuk tempoh terdekat ini.

Abdullah, yang mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelima di Istana Negara Jumaat lepas, pulang ke Kuala Lumpur petang ini selepas dua hari berada di Pulau Pinang.

Semasa berucap pada majlis menyambut kepulangan beliau ke negeri kelahirannya di lapangan terbang Bayan Lepas semalam, Perdana Menteri meminta rakyat Malaysia supaya "bekerja bersama-sama saya, bukan bekerja untuk saya".

-- BERNAMA

AZZ AZZ MAI